

## **Aplikasi Quest2030 wadah orang ramai bayangkan masa depan S'pura**

**Satu aplikasi Institut Pengajian Dasar (IPS) dilancarkan bagi mendapat pandangan orang ramai tentang masa depan Singapura.**

***BERITA Mediabase, 7 July 2022***

Satu aplikasi Institut Pengajian Dasar (IPS) dilancarkan bagi mendapat pandangan orang ramai tentang masa depan Singapura.

Diberi nama Quest2030, aplikasi itu seperti permainan video yang membolehkan orang ramai mencipta masa depan Singapura yang diinginkan mengikut pilihan mereka.

IPS akan membentangkan pandangan-pandangan itu kepada para penggubal dasar dan pemimpin perniagaan.

Laman web aplikasi itu sudah boleh digunakan sehingga hujung bulan Ogos.

IPS berharap untuk mendapatkan sekitar 20,000 orang mencuba aplikasi berkenaan.

Dapatan yang dikumpulkan akan didedahkan kepada awam menjelang bulan Oktober.